

Populasi ikan besar berkurangan 90 peratus

Hm 9/6/2022 M8 : 10

Kuala Terengganu: Tindakan secara kolektif oleh semua lapisan masyarakat sangat diperlukan untuk menyelamatkan lautan yang semakin terancam ketika ini.

Ketua Pusat Tadbir Urus Lautan Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Profesor Dr Wan Izatul Asma Wan Talaat berkata, data saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terbaharu menunjukkan populasi ikan bersaiz besar berkurangan 90 peratus.

"Selain itu, data juga menunjukkan kemusnahan terumbu karang terus meningkat 50 peratus. Kita mengeksplorasi lautan lebih daripada yang boleh diisi semula manakala kepestasan pembangunan fizikal

di muka bumi mengakibatkan kesan buruk kepada lautan.

"Pemanasan global juga mengakibatkan perubahan iklim melampau yang mendadak. Apabila lautan menjadi panas, lebih banyak air meruap ke atas menjadi kelonggaran awan yang akhirnya membentuk taufan besar dan ribut kuat yang melanda pantai serta memusnahkan penempatan dan infrastruktur," katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari Laut Sedunia 2022, semalam.

Wan Izatul Asma berkata, atmosfera panas juga mengakibatkan glasier dan pek salji di pergunungan serta perisai ais di Antartika menjadi cair seterusnya menyebabkan peningkatan paras air laut yang mengancam kawasan pesisiran



MASYARAKAT digalakkan menjadi sukarelawan untuk pembersihan pantai demi kelestarian lautan.

pantai Malaysia.

Menurutnya, situasi itu amat membimbangkan kerana peranan lautan kepada bumi sangat besar iaitu

menghasilkan seku-rang-kurangnya 50 peratus oksigen, menjadi habitat semula jadi kebanyakan sum-ber biodiversiti bumi dan

menjadi sumber protein utama penduduk dunia.

"Pendek kata, lautan adalah kunci kehidupan dan sumber ekonomi dunia de-

ngan anggaran 40 juta individu bergantung hidup di dalam industri berasaskan lautan menjelang 2030," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, pembabitan komuniti tempat sangat penting dalam memastikan usaha menyelamatkan lautan dapat dilaksanakan secara berkesan.

"Contohnya, Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Ke-bangsaan Amerika Syarikat menyarankan 10 langkah bagi masyarakat menyelamatkan lautan seperti menjimatkan penggunaan air, mengurangkan bahan pencemar dan melaksanakan sistem penangkapan ikan secara bertanggungjawab.

"Masyarakat digalakkan menjadi sukarelawan untuk pembersihan pantai serta kawasan tadahan hujan dan memastikan bot berlabuh di kawasan berpasir jauh dari karang dan rumput laut," katanya. - Bernama